

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HMT 222 – Sintaksis Bahasa Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mempunyai **LIMA [5]** soalan dalam **DUA [2]** bahagian- **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab **SEMUA** soalan dalam **Bahagian A**. Pilih **SATU [1]** dalam **Bahagian B**. Maka jumlah soalan yang perlu anda jawab ialah **EMPAT [4]**. Baca setiap arahan dengan teliti dan cermat.

BAHAGIAN A. Bahagian ini mempunyai tiga soalan . Jawab **SEMUA** soalan.

1. Jawab [a] hingga [d].

[a] Pilih **dua [2]** daripada struktur [i] hingga [iv]. Lukis rajah pohonnya.

[i] satu juruterbang wanita

[ii] kepada Utusan Megabait

[iii] sangat cemerlang

[iv] selalu menolak pintu kuat-kuat

[8 markah]

[b] Pilih **dua [2]** daripada kumpulan ayat [i] hingga [iv]. Namakan fungsi gramatis, dan berikan ujian fungsi gramatis untuk bahagian yang bergaris.

[i] Kanak-kanak kecil itu dipimpin oleh ibunya.

[ii] Di Pesta Pulau Pinang, Ziana Zain dikerumuni oleh peminatnya.

[iii] Minah percaya bahawa dia akan berjaya dalam peperiksaan ini.

[iv] Semasa berada di beranda tingkat 32 pangsapuri itu, Tipah berasa gayat.

[6 markah]

[c] Pilih **dua [2]** daripada kumpulan ayat [i] hingga [iv]. Berikan ayat yang terhasil daripada ujian yang dicatatkan di dalam kurungan di akhir ayat untuk menunjukkan bahawa bahagian bergaris ialah satu konstituen.

[i] Anak lelaki pasangan tersebut cedera dalam kejadian itu.
(substitusi)

[ii] Ketika Daley menyertai kempen itu, Gore berada jauh di belakang. (pergerakan)

[iii] Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha BAM.
(ko-ordinasi)

[iv] Pasukan bolasepak kampung itu kalah teruk dalam perlawanan itu. (pengguguran)

[6 markah]

.../3-

[d] Gunakan ayat *Angah menangis kerana kakinya sakit* untuk [i] dan [ii].
Pilih [i] **atau** [ii].

[i] Berikan ujian distribusi untuk menunjukkan golongan kata untuk menangis, dan namakan golongan kata untuk perkataan ini.

ATAU

[ii] Berikan ujian paradigma untuk menunjukkan golongan kata untuk sakit, dan namakan golongan kata untuk perkataan ini.

[5 markah]

2. Pilih [a] atau [b].

[a] Gunakan ayat *Adik telah mengecat basikalnya semalam*. Tunjukkan dengan jelas yang berikut:

- [i] spesifier
- [ii] kepala
- [iii] komplemen
- [iv] adjung
- [v] nodus terminal
- [vi] nodus bukan terminal
- [vii] penaungan langsung
- [viii] penaungan bukan langsung

[25 markah]

.../4-

[b] Terangkan kesesuaian dan ketidaksesuaian terjemahan bahagian bergaris bahasa Melayu dari bahagian bergaris bahasa Inggeris di dalam ayat [i] dan [ii].

[i] The small red car is bought by my uncle.

[ii] Kereta merah kecil dibeli oleh pakcik saya.

[25 markah]

3. Pilih **satu [1]** ayat sahaja daripada [a] hingga [d]. Huraikan dengan lengkap binaan ayat ini dari peringkat struktur dalam hingga struktur luar. Nyatakan juga semua prinsip, andaian, dan kekangan yang terlibat dalam pembinaan ayat yang anda pilih ini.

[a] Semalam, Kak Long dan Kak Ngah telah menonton rancangan "Gerak Khas".

[b] Noraseela yakin akan mempertahankan pingat emasnya.

[c] Sukan LAUT 2001 akan dianjurkan oleh Malaysia pada bulan September ini.

[d] Siapa akan memandu kereta ini ke Kuala Lumpur esok?

[25 markah]

BAHAGIAN B.

Bahagian ini mempunyai **dua [2]** soalan. Pilih soalan **[4] atau** soalan **[5]**.

4. Pilih [a] **atau** [b].

[a] Gunakan ayat [i], [ii], dan [iii]. Bincangkan dengan ringkas tetapi lengkap konsep *klausa*.

[i] Emak berasa sangat risau apabila melihat Uda tidak melakukan ulangkaji untuk peperiksaan akhir sintaksis.

[ii] Pelajar sintaksis yang berjaya dalam peperiksaan ini akan mendapat hadiah daripada Naib Canselor.

[iii] Perdana Menteri Isketambola, yang memerintah negara Ayamaspingpong pada kurun ke-15, tidak terfikir bahawa negaranya akan dikuasai oleh McDonatlinglong pada kurun ke-40.

[25 markah]

[b] Berikan dakwaan Hipotesis Frasa Determiner dan bincangkan hipotesis ini tentang struktur frasa nama dan frasa determiner dalam bahasa Melayu. Berikan contoh-contoh yang sesuai dan memadai.

[25 markah]

ATAU

5. Pilih [a] **atau** [b].

[a] Terangkan dengan lengkap aspek ketaksaan dalam ayat [i] dan [ii].

[i] Kuda-kuda itu telah dipindahkan ke lori oleh pekerja-pekerja syarikat itu.

[ii] Perantara itu membetulkan mikrofon di dada Ahmad.

[25 markah]

[b] Terangkan dengan lengkap hubungan dan fenomena yang diperlihatkan oleh bahagian bergaris dalam ayat di bawah. Di samping itu kenalpasti satu daripada beberapa jenis fenomena ini yang juga wujud di bahagian ayat yang tidak bergaris.

Walaupun beliau suka gulai tempoyak udang kering, Mak Jah tidak boleh memakannya kerana mengalami alahan terhadap udang kering dan durian.

[25 markah]